

'Ombak besar, kami tak mampu bantu'

S. Harian 25/4/2021 m/s 28

Dua ditemui selamat manakala seorang lagi hilang bot terbalik

Oleh SITI FATIHAH AWANG

KOTA BHARU

Seorang saksi kejadian bot terbalik di Kuala Besar di sini mengakui sukar menyelamatkan mangsa yang hilang ketika mencandat sotong kerana ribut dan ombak yang kuat.

Nik Amran Nik Hussin, 50, berkata, bot yang dinaiki tiga mangsa itu berada berhampiran dengan bot yang dinaikinya bersama tiga rakan yang lain.

Menurutnya, mereka keluar berkumpulan melibatkan lima buah bot fiber dan berjanji akan berjumpa di kawasan candat sotong kira-kira 11 batu nautika

dari darat.

"Bot mereka keluar awal dan kami berjumpa di kawasan candat sotong jam 6.30 petang, namun selepas jam 8.30 malam berlaku ribut serta hujan.

"Tiba-tiba ombak besar dan bot kami dipenuhi air sementara bot mereka terbalik. Setelah hampir sejam mencari mereka, kami mengambil keputusan pulang bersama bot lain," katanya.

Nik Amran yang mempunyai pengalaman 20 tahun di laut berkata, walaupun ketika dia sangat takut dan bimbang, namun dia tetap menguatkan diri untuk memandu bot pulang ke jeti bagi memaklumkan kejadian tersebut

kepada rakan-rakan di darat kerana alat perhubungan jarak jauh yang digunakan tidak berfungsi dengan baik.

Nik Amran adalah 12 individu yang terselamat dalam

BOT TERBALIK KETIKA CANDAT SOTONG



Nik Amran (dua dari kanan) bercerita mengenai kejadian kepada mereka yang hadir di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kuala Besar pada Sabtu.

kejadian bot terbalik itu.

Pada petang Sabtu, dua daripada tiga mangsa ditemui selamat oleh bot pemancing.

Mereka yang ditemui ialah Mat Awang@Jali dan Mat

Harun Mohd Nor.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Shafien Mamat berkata, mereka ditemui pada jam 3 petang tidak jauh dari lokasi kejadian bot mereka karam.

"Semasa ditemui kedua-dua mangsa sedang berpaut pada

satu kotak fiber dan dibawa mendarat ke Jeti Pantai Sabak, Pengkalan Chepa," katanya.

Sehingga kini, usaha mencari dan menyelamat Zulshahmi Danial Zulazman, 26 masih giat dilakukan pihak berkuasa.